

## KEMPEN DIGITAL DESA BANK RAKYAT 2024 (UNTUK PELANGGAN DuitNow QR)

### TERMA DAN SYARAT

#### A. KEMPEN

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan Bank Rakyat yang telah mendaftar i-MerchantRAKYAT semasa program Digital Desa Bank Rakyat 2024 berlangsung di salah satu lokasi program (peserta).
2. Peserta perlu melakukan ketetapan berikut sepanjang tempoh kempen berlangsung untuk layak dan berpeluang memenangi hadiah yang disediakan:
  - i. Membuka Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i).
  - ii. Mendaftar aplikasi i-MerchantRAKYAT.
  - iii. Peserta perlu menggunakan DuitNow QR yang dijana daripada aplikasi i-MerchantRAKYAT bagi menerima pembayaran tanpa tunai dalam tempoh kempen.
  - iv. Peserta perlu melaksanakan sekurang-kurangnya 10 transaksi pada setiap bulan.
  - v. Senario kelayakan penyertaan:

Jenis Transaksi	Bilangan Transaksi	Jumlah Keseluruhan	Kelayakan
DuitNow QR	Minimum menerima 10 transaksi setiap bulan.	Menerima minimum 30 transaksi sepanjang tempoh kempen.	Layak
	Menerima kurang daripada 10 transaksi pada bulan pertama/ kedua/ketiga	Menerima kurang daripada 30 transaksi sepanjang tempoh kempen.	Tidak layak

3. Dengan mengambil bahagian dalam kempen ini, peserta bersetuju:
  - a) Kelayakan untuk menyertai kempen ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di sini serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari masa ke masa dan juga Terma dan Syarat penggunaan sedia ada seperti aplikasi i-MerchantRAKYAT- [https://www.bank-rakyat.com.my/c/perkhidmatan/saluran/i\\_merchantrakyat-40/online](https://www.bank-rakyat.com.my/c/perkhidmatan/saluran/i_merchantrakyat-40/online)
  - b) Peserta telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.
4. Penyertaan untuk kempen ini adalah secara automatik dan tiada pendaftaran diperlukan.

## B. TEMPOH KEMPEN

1. Tempoh kempen bermula dari **15 Jun sehingga 15 September 2024**.
2. Sebarang transaksi yang dilakukan melebihi tempoh kempen tidak akan dikira sebagai penyertaan.
3. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen sekiranya perlu.

## C. HADIAH

1. Kempen ini menawarkan hadiah seperti berikut:

Jenis Hadiah	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Pertama	RM3,000.00	1
Hadiah Kedua	RM2,000.00	1
Hadiah Ketiga	RM1,000.00	1
Hadiah sagu hati	RM500.00	50

2. Hadiah akan dikreditkan ke Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) Bank Rakyat milik pemenang.
3. Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah sedia ada kepada hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu) yang akan dimaklumkan menerusi kaedah yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat.

#### D. PEMILIHAN PEMENANG

1. Pemilihan pemenang akan dilaksanakan **selepas tempoh kempen berakhir**.
2. Pemenang utama akan dipilih berdasarkan jumlah transaksi tertinggi sepanjang tempoh kempen berlangsung. Bagi hadiah sagu hati, 10 pemenang akan dipilih daripada setiap lokasi Program Digital Desa Bank Rakyat 2024 berdasarkan jumlah transaksi yang diterima.
3. Setiap pemenang (sekiranya dipilih sebagai pemenang) layak untuk memenangi hanya **SATU (1) hadiah** sahaja sepanjang tempoh kempen berlangsung.
4. Pemilihan pemenang adalah muktamad dan sebarang bentuk rayuan tidak akan dilayan.
5. Pemenang akan dimaklumkan menerusi laman sesawang korporat dan laman media sosial Bank Rakyat atau lain-lain kaedah yang bersesuaian. Bank Rakyat tidak akan menghubungi kembali pemenang bagi urusan tuntutan hadiah.
6. Pemenang akan dihubungi berdasarkan maklumat semasa yang terdapat dalam rekod Bank Rakyat.
7. Bank Rakyat boleh membatalkan hadiah bagi pemenang yang gagal dihubungi atau memberi maklum balas dalam masa 30 hari selepas pengumuman rasmi pemenang dibuat.
8. Bank Rakyat boleh memilih pemenang yang layak daripada senarai menunggu atau simpanan sekiranya pemenang akhir yang telah dipilih bagi hadiah kempen tidak dapat dihubungi dan lain-lain alasan munasabah yang membolehkan Bank Rakyat untuk memilih pemenang lain daripada senarai menunggu atau simpanan.

#### E. LAIN-LAIN

1. Dengan menyertai kempen ini, peserta bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat yang boleh diakses di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).
2. Dengan menyertai kempen ini, peserta telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad.
3. Dengan menyertai kempen ini, peserta bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak syarikat, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama peserta dan butiran peribadi

(jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media untuk keluaran segera atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.

4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan. Peserta adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan tersebut.
5. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar peserta untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
6. Bank Rakyat boleh menolak atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, manipulasi dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
7. **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PESERTA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TELADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PESERTA TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
8. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
9. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
10. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
11. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).